

KESEIMBANGAN DUNIA DAN AKHIRAT SURAH AL-QASAS : 77

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّدَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya :

“ Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagian-mu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-NYA yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

HURAIAN

Islam adalah agama yang memperseimbangkan antara tuntutan hidup di dunia dan tuntutan hidup di akhirat. Segala harta kurniaan Allah hendaklah diguna dan diuruskan pada perkara-perkara kebaikan yang mendapat ganjaran di akhirat. Kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di akhirat tidak mungkin dapat dikecapi tanpa melakukan amalan-amalan baik ketika di dunia seperti menafkahkan harta di jalan Allah, mengeluarkan zakat, bersedekah dan sebagainya. Keseimbangan dunia dan akhirat akan mewujudkan umat Islam yang sentiasa memberi manfaat kepada sekalian manusia. Mengabaikan salah satu daripada tuntutan-tuntutan tersebut, bukan sahaja memusnahkan keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia, malah mendatangkan kerosakan kepada diri sendiri.

KESIMPULAN

Tuntutan menunaikan keperluan hidup di dunia dan akhirat amat ditekankan dalam Islam. Kepincangan hidup akan berlaku jika salah satu diabaikan. Oleh itu, kita perlu sentiasa berwaspada agar tidak berlaku pengabaian kedua-dua tuntutan tersebut dalam kehidupan kita seharian.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2008 Masjid Negara Online.